

23 FEB 1999

Sabah-BN

CALON BN DIUMUM SEBELUM 2 MAC

KOTA KINABALU, 23 Feb (Bernama) -- Senarai calon Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya negeri akan datang akan diketahui sebelum hari penamaan calon Selasa ini, kata Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini.

"Tunggulah menjelang penamaan calon," katanya kepada pemberita di sini ketika diminta mengulas pengumuman Suruhanjaya Pilihanraya mengenai tarikh penamaan calon yang ditetapkan pada 2 Mac ini.

SPR turut menetapkan 12 dan 13 Mac sebagai hari mengundi.

Mengenai sama ada senarai calon BN itu akan dibincangkan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum diumumkan, Dompok yang juga Pengerusi BN Sabah berkata, beliau akan membincangkan pelbagai perkara dengan Perdana Menteri ketika berada di Kuala Lumpur esok dan Khamis ini.

"Saya akan bertemu dengan Perdana Menteri kerana kebetulan saya juga akan menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-raja di Kuala Lumpur," katanya.

Dompok semalam mengumumkan pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah bagi memberi laluan kepada pilihan raya negeri yang kesembilan.

Mengenai manifesto BN, Dompok berkata ia akan diumumkan tidak lama lagi.

"Secara amnya ia merupakan kesinambungan dasar pembangunan dan komitmen BN untuk membawa negeri dan rakyat Sabah mengharungi cabaran pembangunan menjelang abad akan datang," katanya.

Dompok yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) sebelum itu meninjau persiapan pilihan raya di ibu pejabat PDS di Penampang, dekat sini.

-- BERNAMA

JS MAI